

18 DEC 1996

Ting-Rumah

RUMAH KOS RENDAH MUNGKIN DISEWAKAN PADA YANG BERPENDAPATAN RENDAH

KUALA LUMPUR, 18 Dis (Bernama) -- Kabinet hari ini mengarahkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan kajian kemungkinan supaya rumah kos rendah dibeli oleh kerajaan dan kemudiannya disewakan kepada penduduk setinggan dan golongan berpendapatan rendah.

Menteri berkenaan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, kajian itu dibuat berikutan rungutan adanya golongan yang disasarkan tidak diberi peluang memiliki rumah kos rendah.

"Kajian itu akan meneliti kemungkinan kerajaan, agensi kerajaan serta syarikat-syarikat milik kerajaan membeli rumah kos rendah daripada pemaju swasta kemudian disewakan kepada golongan yang disasarkan dan berharap ia dapat dilaksanakan pada tahun depan," kata beliau kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan jemaah menteri di sini, hari ini.

Kajian itu akan diadakan di kawasan yang menghadapi kekurangan rumah kos rendah seperti Lembah Klang, Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan sekitar negeri Selangor, Johor dan Pulau Pinang, katanya.

Menurut Dr Ting, cadangan kajian itu juga timbul selepas satu pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan wakil agensi kerajaan, Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membincangkan masalah setinggan pada minggu lepas.

Dr Ting berkata cadangan itu hanya melibatkan rumah-rumah kos rendah yang baru dibina pada tahun hadapan.

Beliau juga berkata kerajaan tidak berhasrat menjual rumah-rumah yang dibeli itu kepada golongan yang disasarkan kerana mendapati adalah lebih murah bagi mereka menyewa daripada membeli.

Kerajaan juga yakin suatu hari nanti golongan itu akan mampu membeli rumah kos sederhana kelak apabila kedudukan ekonomi mereka meningkat, katanya.

Kajian itu juga akan menentukan kadar sewa berpatutan yang akan dikenakan, kata Dr Ting.

Menurut beliau lagi, jumlah yang akan dibeli adalah mengikut jumlah yang diperlukan.

Anggaran kasar menunjukkan sebanyak 26,000 unit rumah kos rendah diperlukan di Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memerlukan 40,000 unit untuk disewakan di ibu negara. -- BERNAMA

HAK PR